

Kuiz Pelaburan PNB 2021



Lindungi wang daripada inflasi

Tahukah anda sebungkus nasi lemak atau mi goreng yang dibeli di kantin sekolah pada harga RM1.50 pada masa ini, hanya dijual pada harga 50 sen sebungkus ketika tahun 1990-an.

Pernahkan anda mendengar ibu atau ayah mengeluh mengenai harga barang yang semakin meningkat dan menyukarkan mereka untuk berbelanja serta membeli barangan keperluan keluarga?

Keluhan ibu bapa anda sebenarnya bukanlah keluhan kosong kerana kenaikan harga barang bukanlah satu perkara yang berada dalam kawalan kita sebagai pengguna, sebaliknya dipengaruhi oleh pelbagai punca termasuklah peningkatan harga bahan mentah, kos buruh dan permintaan meningkat.

Pengurangan dalam kuasa beli ini dikenali sebagai inflasi. Inflasi menyebabkan nilai wang mengecil dari tahun ke tahun dan oleh kerana nilai wang secara relatifnya semakin mengecil, ia perlu dilindungi.

Inflasi bukan saja memberi kesan kepada harga barangan, tetapi juga perkhidmatan yang

ditawarkan, seperti yuran pendidikan, tambang bas dan keretapi, harga rumah, utiliti dan kebiasaannya, apabila harga meningkat, ia sukar sekali untuk turun semula.

Bagaimanakah cara terbaik melindungi nilai wang daripada mengecil? Salah satu cara ialah dengan melaburkan wang berkenaan dalam produk pelaburan yang memberikan pulangan.

Pelaburan boleh dilakukan dalam pelbagai cara antaranya, melabur dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB), unit amanah, pasaran saham, membeli rumah atau melabur untuk diri sendiri.

Melabur untuk diri sendiri bermakna belajar dan menambah ilmu dan kemahiran seperti melanjutkan pengajian ke universiti atau mengikuti kursus kemahiran seperti memasak, teknologi maklumat atau mempelajari bahasa kedua dan ketiga.

Pelaburan untuk diri sendiri memberi peluang kepada anda untuk mendapatkan pekerjaan lebih baik dan meraih pendapatan atau gaji lebih besar.



Inflasi menyebabkan kuasa beli semakin mengecil dan harga barangan serta perkhidmatan terus meningkat, oleh itu wang perlu dilaburkan untuk melindungi nilainya.

Apabila sudah mempunyai pendapatan kelak, perkara pertama yang perlu dilakukan ialah mula melabur dalam instrumen pelaburan yang sesuai. Jangan lupa, walau sebesar mana pendapatan, jika tidak diurus dengan baik, ia akan hilang begitu sahaja atau semakin mengecil nilainya.

Oleh itu, jangan biarkan sahaja gaji dalam akaun simpanan, sebaliknya ketepikan lima hingga 10 peratus daripadanya untuk pelaburan dalam ASB atau pelaburan lain yang difikirkan sesuai.

Buat kaji selidik dan pilihlah pelaburan yang memberi pulangan melebihi kadar inflasi semasa.

Jika kadar inflasi ialah tiga peratus, melaburlah dalam instrumen pelaburan yang memberi pulangan melebihi tiga peratus. Ini cara terbaik melindungi nilai wang daripada mengecil akibat inflasi.

Melaburlah secara aktif dan konsisten setiap bulan supaya wang terus bekerja untuk melindungi nilainya dan membolehkan kita membina tabungan kukuh.

KUIZ PELABURAN PNB 2021

#capaikemerdekaankewangan

Online KATEGORI REMAJA (13 - 17 Tahun)

SOALAN - SOALAN

MELINTANG

- secara mudahnya ialah menyimpan wang untuk tujuan keselamatan dan ia boleh dikeluarkan pada bila-bila masa.
- Dividen ialah daripada pelaburan yang akan menambah kepada modal asal yang dilaburkan. Katakan Ali melabur RM100 dan selepas setahun, dia menerima dividen sebanyak 5 peratus, menjadikan wang Ali bertambah kepada RM105.

MENEGAK

- akan menyebabkan nilai wang yang disimpan dan tidak dilaburkan semakin mengecil selepas satu tempoh tertentu
- Elaun atau duit belanja boleh dimasukkan ke dalam sebelum dilaburkan untuk mendapat pulangan/dividen.
- Kuasa faedah akan mengembangkan wang yang dilaburkan jika wang berkenaan dan dividen yang diterima tidak dikeluarkan untuk satu tempoh yang panjang.
- ASB ialah unit amanah harga Ini menjadikannya produk pelaburan berisiko rendah yang sesuai untuk pelaburan jangka panjang dan membina tabungan pendidikan, kecemasan, perkahwinan dan persaraan.

Hadiah untuk dimenangi Pertama

3X RM1,000

KEDUA

5x RM700

KETIGA

7x RM500

KEEMPAT

20x RM250

KELIMA

30x RM200

Saguhati : 50x RM100

KAEDAH PENYERTAAN

- ◆ Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia 13 tahun - 17 tahun.
- ◆ Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja boleh diakses di www.asnb.com.my. Peserta perlu menjawab secara dalam talian (on-line)
- ◆ Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- ◆ Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
- ◆ Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan penganjur. Keputusan pemenang adalah muktamad.
- ◆ Terma dan syarat lanjut peraduan di www.asnb.com.my

Tarikh tutup penyertaan : 22 Ogos 2021

www.asnb.com.my
Imbas untuk jawab dan penyertaan